BIL. 13 JAN 2019

UMP dan PERHEBAT bantu perkasa bakal pesar

Oleh: MOHD. FERDAUS MUSA, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Universiti Malaysia Pahang (UMP) jalin kerjasama dengan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Tentera (P
kemahiran dan latihan yang bersesuaian bagi memperkasakan pembangunan sosioekonomi veteran dan b

Program yang bakal dijalankan UMP melalui anak syarikatnya, iaitu UMP Advanced Education (UM
pembangunan modal insan termasuk program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) malah ianya melib
kepakaran UMP dan apa jua bidang yang diperlukan bagi menyokong keperluan tenaga kerja terlatih yang

Melalui latihan peralihan ini, anggota tentera tersebut mempunyai nilai tambah untuk menyokong keper
industri atau memilih untuk bekerja sendiri sebagai kelangsungan hidup sejurus tamat perkhidmatan dalam

Berlangsung baru-baru ini, Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Naib Canselor
Ibrahim dan Pengerusi PERHEBAT, Lt. Jen. Dato' Sri Abdul Aziz Ibrahim (B) dengan disaksikan Ment
Mohamad Sabu yang hadir mewakili YAB Perdana Menteri Malaysia bersempena Majlis Konvokesyen PE
Perwira Angkatan Tentera Malaysia Kuala Lumpur pada 23 Disember 2018 yang lalu.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, melalui kerjasama strategik ini, UMP juga akan mewujudka
tujuan penyelarasan segala aktiviti latihan bagi tujuan manfaat bakal pesara dan veteran ATM.

“Kampus ini juga bertindak sebagai Pusat Sehenti untuk pengurusan program latihan kepada veteran tente

“UMP menawarkan kepakaran dalaman bagi melaksanakan program latihan termasuk kepakaran pensyara

Turut hadir sama dalam majlis, Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced Education, Dr. Mohamad Rozi Ha

Program kerjasama ini juga menyasarkan 400 hingga 500 orang bakal pesara dan veteran ATM yang
program PSH di UMP Advanced bagi tahun 2019 ini.

Jelajah Alumni UMP erat hubungan, kembali b

Oleh: NURIZZATUL ALIN AHMAD BASTANI, JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

Seramai 124 orang alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir dalam Program Jelajah Alumni - *Al*
Barat yang dianjurkan Unit Perhubungan Alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) deng
Masyarakat (JJIM) di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam pada 22 Disember 2018 yang lalu.

Pertemuan ini memberi peluang para alumni bertemu dengan Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Sri Dr
universiti bagi berkongsi perkembangan dan informasi terkini tentang UMP.

Ianya termasuklah perbincangan berkaitan Previu *Industry Network Alumni Platform* (INAP) dan mengur
untuk sama-sama berusaha terhadap kecemerlangan universiti.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, UMP kini boleh berbangga dengan pertambahan bilangan a
24,786 orang.

"Kini para graduan dan alumni juga telah berjaya membuktikan bahawa mereka bukan sahaja boleh menja
namun turut berkeupayaan menjadi usahawan dengan syarikat dan rangkaian perniagaan masing-masing.

"Alumni perlu memainkan peranan dan diberi ruang dan peluang yang seluasnya untuk kembali menyu
mereka dalam pelbagai kapasiti dan platform, sama ada secara rasmi atau tidak rasmi.

"Justeru, pihak pengurusan sentiasa membuka ruang kepada Persatuan Alumni UMP untuk meneroka
kembali ke kampus bagi memberi inspirasi kepada para juniors anda yang masih menuntut. Selain itu, ber
memperkukuhkan lagi jaringan industri, kolaborasi strategik dan jalinan profesional masing-masing," katany

Dalam pada itu, inisiatif *Industry Network Alumni Platform* (INAP) yang dirintis pihak JJIM juga dilihat sa
yang tidak sedikit terhadap usaha-usaha berkaitan yang sedang dirancang dan bakal dijalankan pihak univ

Majlis turut menyaksikan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK) Dr. Irene Ting Wei Kiong
penarafan universiti manakala Ahli Majlis Tindakan INAP, Mohd Faiz Zulkifli juga berkongsi makluma
perancangan kerjasama antara alumni dengan universiti.

Melalui sesi perkongsian ini juga mereka berpeluang mengemas ini data Sistem e-Graduan yang tela
medium carian data alumni.

Hadir dalam majlis Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yus
(Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Jamil Ismail dan Pengurus Besar Jabatan Hal Ehwal Pela
Safie.

Program Pensijilan Tahfiz Ulul Albab UMP lahir tek

Program Pensijilan Tahfiz Ulul Albab yang diperkenalkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal mela usahawan hafiz yang memiliki pelbagai kemahiran ilmu kepada mahasiswa.

Dengan matlamat memberikan pendidikan seimbang dunia dan ukhrawi kepada mahasiswa, program Pe Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) ini melibatkan seramai 41 orang mahasiswa membabitk program ini selama empat tahun.

Dengan sasaran hafaz 30 juzuk al-Quran, mahasiswa ini juga perlu mengikuti modul yang ditetapkan anta Asbabun Nuzul, Tafsir Ayat-ayat Pilihan dan Kursus Asas bahasa Arab.

Pada 28 Disember 2018 yang lalu telah berlangsung Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan Kepada Pese Maulidur Rasul Peringkat UMP tahun 2018/ 1440 H yang disambut dengan perarakan 29 kontinjen yang ke Masjid UMP Kampus Gambang.

Hadir merasmikan program adalah Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, Tim Alumni), Profesor Dato’ Dr Yuserrie Zainuddin, Ketua Pegawai Operasi merangkap Pendaftar, Abd Ham Ehwal Pelajar dan Alumni yang juga Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Hj. Safie

Dalam majlis ini, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penganjuran sambutan yang menunjukkan kecintaan terhadap Nabi Muhammad S.A.W sebagai junjungan besar lagi agung yang dizahi turut menuntut warga UMP untuk mencontohi segenap aspek akhlak dan kehidupan Baginda sepanjang ha

“Dalam konteks perkhidmatan kita sebagai staf atau pengajian para mahasiswa sebagai penuntut ilmu, ter boleh diambil daripada sirah Rasulullah S.A.W untuk diterjemahkan dalam kehidupan kita sehari-hari. An untuk kita hayati adalah cara pengurusan dan pendekatan kepimpinan Baginda dalam mengendalikan dengan berkesan,” katanya.

Ujarnya, sekali pun kampus universiti agak sepi pada penghujung Disember 2018 dan minggu persediaa kita masih dapat mengimarahkah sambutan pada hari ini walaupun dalam suasana yang serba sederhana.

“Selain itu, melalui pelbagai kisah dan riwayat, kita telah dikhabarkan mengenai keunggulan nilai integriti B turut mendasari peranan kita sebagai penjawat awam di universiti ini.

Program turut menampilkan penceramah terkenal, Ustaz Muhadir Haji Joll yang membicarakan tentang
boleh dijadikan teladan umat Islam masa kini.

Lebih 600 warga universiti hadir meraikan Sambutan Maulidur Rasul pada kali ini.

Persidangan Antarabangsa RiTA fokus penyelidikan teknologi a

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Penganjuran Persidangan *6th International Conference on Robot Intelligence Technology and Applicatio*
Machine Intelligence: Building Blocks for Industry 4.0" berjaya mengumpul lebih 60 penyertaan termasuk p
Disember 2018 yang lalu di Putrajaya.

Penyertaan terdiri daripada ahli akademik, penyelidik, pelajar, pakar dan pengamal industri bagi memfoku
penyelidikan teknologi kecerdasan robot.

Manakala penyertaan antarabangsa membabitkan dari negara Korea, Jepun, Portugal, Australia, Singap
dan United Kingdom.

Hadir merasmikan persidangan adalah Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Pr
Kehormat RITA, Profesor Dr. Jong-Hwan Kim dan Pengerusi bersama RITA, Profesor Dr. Hyun Myung dan

Menurut Profesor Dr. Jamil Ismail, persidangan ini dapat mengumpulkan pakar berkaitan teknologi robotik.

“Dengan pemberian geran dan inisiatif lain yang diberikan oleh pihak kerajaan juga dapat mengalakk kepakaran dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan teknologi dalam bidang robotik.

“Di samping itu, inisiatif ini juga bakal mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam mendepani industri 4

“Persidangan ini juga sebagai landasan khususnya Malaysia untuk merevolusikan industri ini ke arah pe didorong oleh persekitaran yang pintar, saling berkait antara satu sama lain. Manakala robotik da perkembangan dalam industri,” katanya.

Tambah beliau lagi, selain itu objektif persidangan ini dapat membantu universiti dalam mempromosikan membangunkan teknologi baharu melalui kerjasama dengan rakan kongsi industri.

Dalam pada itu, sebanyak 80 kertas kerja telah dibentangkan bagi membincangkan isu-isu khas b kecergasan kognitif, sosial dan kolektif.

Antara yang hadir menyampaikan ucaptama adalah Profesor Dr. Junmo Kim yang merupakan Pengarah *Laboratory* KAIST dan Profesor Madya Marcelo H Ang Jr dari National University of Singapore.

Persidangan dianjurkan oleh Makmal *Innovative Manufacturing, Mechatronics and Sports* (iMAMSLab) (FKP) dengan kerjasama pihak *Korea Advanced Institute of Science and Technology* (KAIST).

Ianya turut mendapat tajaan dan sokongan daripada Korea Robotics Society (KROS), UMP Holdin Engineering, Science and Technology Malaysia (CREST), Springer, Silterra (Malaysia) Sdn. Bhd., Ma Exercise, MyDuino.com dan DZUKI Consultancy & Training.

UMP TRIZ hasilkan 150 projek inovasi

Sebanyak 150 projek inovasi berjaya dihasilkan dalam program UMP TRIZ Innovation Exposition 3.0 y
Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam pertandingan ciptaan inovasi yang berlangsung di Kompleks
2018 yang lalu.

Program ini merupakan penganjuran kali ke-3 ini merupakan platform terhadap penilaian dalam meningka
bagi menangani setiap permasalahan berkaitan kejuruteraan dan teknologi yang dapat diaplikasikan dalam

Banyak teknik dan metodologi dalam penyelesaian masalah dan salah satunya ialah dengan cara TRIZ.

TRIZ adalah singkatan dalam bahasa Rusia yang merujuk kepada *Teorija Resenija Isobretatelskih Zadac*
Penyelesaian Masalah Inventif. Teori TRIZ ini telah dibangunkan di antara tahun 1960 hingga 1980 oleh Sa

Pengarah program, Imadduddin Abidin yang juga pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
adalah kemuncak kepada sesi pengajaran dan pembelajaran Subjek UHS2021 Soft Skill II, iaitu yang b
secara inventif.

“TRIZ adalah satu hukum yang tidak berat sebelah yang lahir dari evolusi sistem teknikal. Penemuan dan
ialah hasil daripada kajian dan analisis secara global beberapa puluh tahun.

“Inovasi teknologi TRIZ mempunyai banyak kebaikan antaranya meningkatkan pemasaran dalam mengh
dengan cepat dalam pencarian penyelesaian yang inventif dan inovatif. TRIZ juga secara saintifiknya m
kepada ramalan revolusi sistem teknologi, produk dan proses.

“Selain itu, sistem konvensional dan moden terhadap kajian pasaran lebih berkesan dibantu dengan TR
masa hadapan. Ianya adalah kaedah penyelesaian masalah secara inventif terkini yang menitikberatkan
berstruktur dengan menekankan aspek lebih baik *(better)*, murah *(cheaper)* dan lebih cepat *(faster)*,” katan

Dalam pertandingan ini setiap kumpulan kecil mahasiswa menggunakan kaedah Teori Penyelesai
mendapatkan penyelesaian masalah berkaitan dengan isu keselamatan. Program ini juga dapat meningk
Profesional TRIZ *Level 1 for Practitioner.*

Menurut Imanuddin, kesemua aspek kemahiran ini amat penting dan merupakan kunci utama dalam
mengasah kemahiran insaniah mahasiswa dalam berfikir secara kritikal dalam penyelesaian masalah yang
Projek-projek yang dipamerkan ini juga merupakan projek akhir mahasiswa yang dinilai pihak panel dalam

Pertandingan menyaksikan Anugerah Khas Industri (ICON) dimenangi Projek Multifunctional Dustbin ha
Kum Yong Fang, Allen Lee Wei Kiat, Sean Senn A/L Pow Chiok,Yong Yan Li dan Teong Chi Qi.

Bagi Anugerah Khas Kreativiti My TRIZ pula telah dimenangi menerusi produk Plastic Waste Collector
Radfan Abdul Malek Mohammed Abdo AlQadhi,Teng Kar Hooi, Nur Syahirah Mohd Razi,Tan Choo
Muhammad Asyraf Hasan.

Manakala Anugerah Khas Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM) menerusi projek *Waterproof Um*
Ismail, Siti Masyithah Zainol, Nurul Ahzani Roslan, Nur Syafiqa Yusri, Amir Firdaus Basirun, Muhammad N

Pasangan Kembar teruja terima sumbangan kelengk

Dua pasangan kembar teruja untuk kembali ke sesi persekolahan yang tinggal beberapa hari sahaja lagi a
sekolah dalam Program Kembali Ke Sekolah `*Give Them Our Heart, Give Them Hapiness'* di Mydin Pekan

Mereka merupakan antara 34 penerima sumbangan kelengkapan pakaian sekolah Program *Back To S*
(UMP) dengan kerjasama UMP Holding Sdn. Bhd.

Bagi pasangan Farish Daniel Johari dan Faris Danish Johari, 9, dan Nur Syaza Anna Wardina Mohd. Zal
10, berasa sungguh gembira dan tidak sabar untuk melangkah ke sekolah.

Malahan mereka tidak menyangka dapat sumbangan kelengkapan pakaian sekolah baharu untuk sesi pers

Bagi Daniel, beliau amat gembira pada hari ini kerana dapat memilih sendiri pakaian, beg dan kasut yang

“Sebenarnya saya tidak mengharapkan untuk mendapatkan pakaian baharu kerana faham dengan kesulit
ibu yang tidak bekerja," katanya.

Ibu kepada pasangan kembar Daniel dan Danish, Rozilaili Rashid, 36 berkata, keluarganya amat bersyuku
dan UMP Holdings (UMPH) juga pihak yang sudi membantu mereka dengan menyediakan kelengkapa
dapatlah membantu meringankan beban mereka sekeluarga.

Manakala menurut Pengurus Besar UMP Technology Sdn. Bhd., Dr. Nur Aainaa Syaffini Mohd Ra
sukarelawan UMP dan UMPH yang berganding bahu bagi melaksanakan program *Back To School* pada ka

“Program ini bertujuan untuk membantu ibubapa dan pelajar yang memerlukan sama ada yang berpendapa

“Pada masa yang sama kita turut berkongsi kesusahan bersama masyarakat sekeliling UMP,” katanya bersama anak-anak serta keluarga di Dewan Bankuet Canseleri Tun Abdul Razak Pekan.

Tambahnya lagi, sumbangan berkenaan adalah sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (C Sdn Bhd.

Beliau mengharapkan sumbangan ini dapat meringankan bebanan ibu bapa khususnya mereka ya menyediakan keperluan persekolahan yang tinggal beberapa hari lagi.

Pihaknya juga menghargai sumbangan warga kampus, individu dan pihak luar yang turut sama menyum keluarga ini.

Selain itu memberikan mereka semangat baharu untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh untuk be

Program turut dihadiri Presiden Persatuan Wanita UMP, Profesor Datin Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Seramai 20 sukarelawan membabitkan staf UMPH, Pejabat Naib Canselor, Jabatan Pendaftar dan menjayakan program.

Mahasiswa UMP bantu mangsa gempa Lom

Oleh: MUHAMMAD ASYRAF HASAN, SETIAUSAHA PROGRAM MISI KEMANUSIAAN ‘JOM BANTU M
FERDAUS MUSA, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT.

Prihatin dengan bencana tanah runtuh, kerosakan rumah kediaman dan kehilangan jiwa akibat gempa yan
diikuti susulan pada 6 dan 19 Ogos 2018 memberikan inspirasi buat sepuluh orang mahasiswa Unive
program Misi Kemanusiaan “Jom Bantu Mangsa Gempa Lombok” di Desa Selengen, Kecamatan Kayang
Indonesia pada 7 hingga 11 Disember 2018 yang lalu. Lombok adalah kawasan yang terjejas teruk akibat g

Program dianjurkan oleh Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA) 2 dengan kerjasama Jabatan Ha
Naib Canselor (PNC), Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan (IKIP) Mataram dan Badan Bukan Ker
Indonesia.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Sa’id Rifqi Muhammad Musal dari Fakulti Teknologi
memperkasakan nilai-nilai kesukarelawan dalam diri mahasiswa selain menjadi platform terbaik untuk m
dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

“Pelbagai aktiviti kesukarelawanan telah dijalankan antaranya membaiki sistem pengaliran air ke tangki s
bahan binaan yang runtuh akibat gempa, menambah baik infrastruktur masjid sementara,” katanya.

Mereka juga membantu membaik pulih beberapa rumah kediaman dan menyediakan saluran sumber air
untuk kegunaan masyarakat setempat.

Selain itu, para peserta juga turut menyantuni masyarakat setempat dengan beberapa aktiviti yang dilaksa
dan program motivasi bersama kanak-kanak.

Manakala sukarelawan UMP, Muhammad Aimran Amzar Kamarudin dari Fakulti Kejuruteraan Awam & S
bersyukur kerana berpeluang menyertai misi ini untuk melihat sendiri dengan lebih dekat kejadian benc

berlaku atas kekuasaan Allah SWT.

Para peserta turut mengadakan program dan berkongsi pengalaman bersama mahasiswa dari Institut Keg
Lombok, Indonesia.

- 168 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE
e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

